

22/05/1998

Suharto lakukan pengorbanan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kebanyakan pemimpin dunia yang mengalu-alukan tindakan Suharto melepaskan jawatan Presiden Indonesia menyifatkannya sebagai pengorbanan besar demi memulihkan kestabilan dan perpaduan di republik itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan tahniah kepada Habibie atas pelantikannya sebagai Presiden Indonesia yang baru.

Dalam perutusan yang dihantar menerusi Wisma Putra, Perdana Menteri berkata beliau bersyukur kerana proses pemindahan kuasa presiden dijalankan secara aman dan mengikut perlembagaan negara itu.

"Saya harap dengan pelantikan yang mulia Bapak ini, Indonesia akan segera pulih dengan keadaan tenang dan aman serta maju semula seperti mana diharapkan oleh seluruh rakyat Indonesia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga percaya Habibie boleh menyelesaikan masalah dan cabaran yang dihadapi negara itu.

"Saya juga yakin bahawa seluruh rakyat Indonesia akan memberi sokongan penuh mereka kepada yang mulia Bapak dalam menerajui Republik Indonesia ke alaf baru.

"Semoga kepemimpinan yang mulia Bapak Presiden akan dapat meneruskan hasrat kita untuk berusaha mempereratkan lagi tali persahabatan dan hubungan silaturrahim yang istimewa dan yang sedia terjalin di antara Malaysia dan Indonesia," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata, Malaysia menerima baik peletakan jawatan Presiden Suharto dan mengalu-alukan pelantikan Habibie sebagai Presiden Republik Indonesia yang baru.

Malaysia gembira kerana pemindahan kuasa dibuat secara aman mengikut Perlembagaan Indonesia dan berharap pertukaran kepemimpinan itu membantu menyelesaikan krisis politik di republik berkenaan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, beliau diminta oleh Dr Mahathir untuk mengeluarkan kenyataan menerima baik peletakan jawatan Suharto dan mengalu-alukan pelantikan Habibie sebagai Presiden Republik Indonesia.

"(Malaysia) berharap agar dengan ini, krisis politik dapat diselesaikan dengan aman dan perhatian boleh ditumpukan ke arah pemulihan ekonomi Indonesia," kata Anwar dalam sidang akhbar di Kementerian Kewangan, petang ini.

Anwar diminta mengeluarkan kenyataan itu oleh Dr Mahathir yang baru pulih selepas menjalani pembedahan untuk mengeluarkan ketulan darah beku dari buku lali kakinya.

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, yang menyambut baik berita itu, meminta Habibie melaksanakan pembaharuan mengikut aspirasi rakyat. Amerika sedia menyokong langkah pembangunan Indonesia dalam membentuk sebuah negara yang stabil.

Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, berikrar terus membantu Indonesia dalam menjalankan pembaharuan ekonomi dan politik.

(END)